

17/01/2002

Dr Mahathir belum pasti temui Bush

SERDANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih belum pasti sama ada beliau akan mengadakan pertemuan rasmi dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, ketika lawatannya ke negara itu awal bulan depan.

"Jika saya jumpa dia (Bush), saya jumpa. Dia akan pergi ke persidangan yang sama," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini petang ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, dijangka berlepas ke Amerika pada 1 Februari ini bagi menghadiri Forum Ekonomi Dunia.

Mengenai dakwaan kerajaan Singapura ada anggota gerakan militan negara itu menyimpan empat tan ammonium nitrat di Malaysia untuk dijadikan bom trak, Dr Mahathir berkata pihak berkuasa negara ini sedang menyiasat dakwaan itu.

"Kita sedang mencari (maklumat) kerana kita tidak mempunyai maklumat cukup. Kadang-kadang orang yang ditangkap membuat beberapa kenyataan yang tidak begitu benar," katanya.

Minggu lalu, 15 orang ditangkap pihak berkuasa Singapura kerana disyaki sebagai kumpulan pengganas dan mempunyai hubungan dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Mengenai laporan syarikat perkapalan gergasi Taiwan, Evergreen Marine Corp, membuat keputusan memindahkan operasinya dari Singapura ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor, Dr Mahathir berkata:

"Malaysia memang berhasrat mengembangkan semua pelabuhannya bukan saja PTP, supaya menjadikan negara pusat perkapalan rantau ini. Lokasi kita sama strategik seperti Singapura."

Evergreen dan PTP dilaporkan akan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi tujuan pemindahan itu mulai Ogos ini, selepas perjanjiannya dengan PSA Corporation, Singapura, tamat.

Terdahulu, dalam ucapannya pada majlis itu Dr Mahathir berkata, pelajar Bumiputera perlu menguasai ilmu dan pengetahuan secukup-cukupnya kerana dalam era globalisasi, kuasa asing akan cuba melemahkan negara.

Katanya, jika pelajar Bumiputera gagal memberi tumpuan secukupnya dalam menguasai pelbagai ilmu, mereka akan menjadi warga yang kurang cekap dan tidak mampu membangunkan negara.

"Ini tentulah amat malang sekali. Bagi penuntut Bumiputera, beban dan tanggungjawab menguasai ilmu adalah lebih besar daripada pelajar bukan Bumiputera," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia, kegagalan pelajar Bumiputera menguasai ilmu akan menjadikan kaum itu mundur dan ini tidak akan menyumbang kepada keamanan dan ketenteraman negara.

Perdana Menteri turut mengesahkan bahawa kerajaan tidak bercadang menukar semula nama Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada Universiti Pertanian Malaysia.

"Saya mengesahkan tidak ada rancangan atau ingatan atau niat jahat untuk namakan UPM sebagai Universiti Pertanian Malaysia," katanya menjawab soalan yang dibangkitkan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie dalam ucapannya sebelum itu, yang meminta beliau mengesahkan sama ada nama Universiti Putra Malaysia akan dikekalkan.

(END)